

PROMOSI eDEPOSIT TETAP/eDEPOSIT TETAP-i ([English version](#))

Dikemaskini 24 April 2025 untuk berkuatkuasa 25 April 2025

TEMPOH PROMOSI

“Promosi eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 09 April 2025 dan berakhir pada 31 Mei 2025, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai jumlah had saiz dana seperti yang dinyatakan dalam **Klausus 11** di bawah, mengikut mana-mana yang awal (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baharu dan sedia ada yang merupakan pemegang Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) dan mendaftar memenuhi kriteria berikut (“Pelanggan”) sebelum atau semasa Tempoh Promosi:
 - (a) Telah mendaftar untuk Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect dan/atau Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect (“HLB Connect”); dan
 - (b) Telah ataupun bakal membuka Akaun Deposit Tetap/Deposit Tetap-i dalam talian (“Akaun eFD/eFD-i”) atau Akaun Bersama Deposit Tetap/Deposit Tetap-i dalam talian (“Akaun Bersama eFD/eFD-i”) melalui HLB Connect.
2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan, kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam T&S ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan terma dan syarat yang berkenaan dengan CASA/CASA-i dan Akaun eFD/eFD-i **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
3. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
4. Promosi ini **TIDAK** sah dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

KAEDAH PROMOSI

5. Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan di atas dan yang membuat peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i (“**eFD/eFD-i**”) atau eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i Bersama (“**eFD/eFD-i Bersama**”) ke dalam akaun Akaun eFD/eFD-i atau Akaun Bersama eFD/eFD-i melalui HLB Connect bagi amaun tidak kurang daripada Amaun Peletakan Minima dan tidak melebihi Amaun Peletakan Maksima (“**Amaun Peletakan eFD/eFD-i**”) untuk Tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah semasa Tempoh Promosi adalah berhak untuk menikmati Kadar Promosi eFD/eFD-i yang tertera dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Tempoh Efektif	Tempoh	Kadar Promosi ¹	Amaun Peletakan Minima	Amaun Peletakan Maksima
9 April 2025 - 24 April 2025	3 bulan	3.70% setahun	RM1,000	Tertakluk pada had pindahan yang ditetapkan oleh bank berkenaan
	6 bulan	3.70% setahun		
	12 bulan	3.60% setahun		
25 April 2025 - 31 Mei 2025	3 bulan	3.75% setahun		
	6 bulan	3.70% setahun		
	12 bulan	3.60% setahun		

¹ Kadar Promosi mungkin disemak semula sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalam (OPR) atau mengikut budi bicara Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu.

6. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria dalam Klausus 5 di atas dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".
7. Bagi tujuan Promosi ini, semua peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama mestilah daripada bank lain (iaitu dana baharu) dan dipindahkan melalui Financial Process Exchanges (“**FPX**”). Amaun deposit maksima setiap transaksi tertaktuk pada amaun maksima/had pindahan yang ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan Layak yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.
8. Proses peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari bekerja dan tarikh efektif peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama adalah pada tarikh Bank berjaya menyempurnakan proses peletakan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak kerana masa yang diperlukan untuk memproses peletakan tersebut.
9. Peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama hanya boleh dibuat menerusi HLB Connect antara 06:00 pagi hingga 12:00 tengah malam semasa Tempoh Promosi, dan atas dasar siapa cepat dia dapat. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama mesti dihantar selewat-lewatnya pada pukul 12:00 tengah malam pada hari terakhir Tempoh Promosi agar peletakan diterima untuk Promosi ini.
10. Pada tarikh matang, Amaun pokok Peletakan eFD/eFD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eFD/eFD-i masing-masing atau dikeluarkan secara automatik dan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausus 14), berdasarkan pilihan yang dibuat oleh Pelanggan Layak semasa peletakan.

11. Had saiz dana agregat untuk Akaun eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama Sertaan di bawah Promosi ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah (“**Had Saiz Dana**”):

Jadual 2

Tempoh	Had Saiz Dana
3 bulan	RM2400 juta
6 bulan	RM4600 juta
12 bulan	RM2000 juta

12. Jika Had Saiz Dana telah dicapai, Amaun Peletakan yang melebihi Had Saiz Dana akan tertakluk pada kadar semasa eFD/eFD-i mengikut budi bicara Bank.
13. Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Kadar Promosi eFD/eFD-i dan/atau kriteria/kelayakan untuk Promosi dengan memberi notis awal dengan memaparkan T&S yang telah diubah di laman sesawang Bank di www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my (“**Laman Sesawang Bank**”) atau mana-mana cara lain yang Bank dapat wajar dan perubahan tersebut akan berkuatkuasa daripada tarikh efektif yang dinyatakan di dalam notis tersebut. Sebarang perubahan adalah tidak terpakai untuk peletakan eFD/eFD-i yang dibuat sebelum tarikh perubahan tersebut dikuatkuasakan.
14. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang diselenggarakan dengan Bank di bawah nama Pelanggan Layak (“**CASA/CASA-i Diperuntukkan**”) bagi tujuan mengkreditkan faedah/keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Untuk eFD/eFD-i, CASA/CASA-i Diperuntukkan mesti di atas nama sama Pelanggan Layak dan untuk eFD/eFD-i Bersama, CASA/CASA Diperuntukkan mesti di atas nama sama kedua-dua Pelanggan Layak dan mandat pengendalian yang sama dengan Akaun Bersama eFD/eFD-i. Faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
15. Jika Amaun Peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada faedah/keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang eFD/eFD- atau eFD/eFD-i Bersama tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran pramatang. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, faedah/keuntungan akan dikira atas baki Amaun Pokok setelah pengeluaran dibuat.
16. Bank berhak untuk menolak dan mendebit amaun setara dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama yang dikeluarkan sebelum tarikh matang daripada Amaun pokok Akaun eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama.
17. Pelanggan Layak dengan produk eFD-i atau eFD-i Bersama akan dianggap telah bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran eFD-i atau eFD-i Bersama sebelum tarikh matang.
18. Tertakluk pada Klausus 15 T&S Promosi ini, pengeluaran sebahagian eFD atau eFD Bersama dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki eFD atau eFD Bersama kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan eFD atau eFD Bersama mengikut Klausus 15.

19. Tertakluk pada Klausus 15 T&S Promosi ini, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam eFD-i atau eFD-i Bersama kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama mengikut Klausus 15.
20. Amaun Peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak kecuali Amaun Peletakan eFD boleh digunakan sebagai cagaran untuk menjamin Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB. Sila rujuk [Terma & Syarat Kad Kredit Yang Dijamin dengan Deposit Tetap](#) untuk maklumat lanjut.

UMUM

21. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan besetuju:
- (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di sini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat berkaitan dengan Akaun eFD/eFD-i ("**Terma dan Syarat Berkenaan**");
 - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah muktamad;
 - (iii) bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak;
 - (iv) untuk mengakses Laman Sesawang Bank dengan kerap untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
 - (v) faedah/keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat seumpamanya; dan
 - (vi) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
22. Bank berhak:
- (i) dengan notis awal kepada Pelanggan, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara paparan dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (ii) untuk membatalkan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat Berkenaan; dan
 - (iii) untuk menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan atau pelanggaran T&S Promosi dikesan.
23. Tambahan kepada T&S di dalam ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca dengan T&S ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
24. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S dalam Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.

25. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
26. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i, Akaun Bersama eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dan Akaun Semasa/Simpanan atau Akaun Semasa/Simpanan-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

eDeposit Tetap-i, eDeposit Tetap-i Bersama dan Akaun Semasa/Simpanan-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.